# ســـورة تربـــوك

منورة سياران ياياسن فپياران اسلام اندونيسيا يغ مڠوتيف سياران٢درفد ببراف باڤق مجله٢اسلام تله مروايتكن حال٢ يغ ساڠة مپديهكن تنتڠ كدودقكن اومة اسلام دايثيوفيا (حبشه). دسان اد 12.000.000 اومة اسلام يايت يغ مروفاكن انم فوله فراتوس دري فندودق دسان، سدڠ فوڤق راج يغ ممرينته تيدق سمفي 12 فراتوس سهاج. كادان٢ يغ مپديهكن ايت اداله سفرت برايكوة:

**كيرا٢ 12.000.000 مسلمين يڠ مروفاكن 60% دري فندودق ايثيوفيا دالم تكانن فنيندسن فمرينتاهن قيصر.**

1. اكام قيصر اداله اكام كريستيان اورثودوق. قيصر منجادي "فليندوڠ صاليب سوچي". سوكو امهار مروفاكن ݢولڠن كچيل يڠ بركواس. بهاس امهار منجادي بهاس رسمي، اكام مريك – كريستيان اورثودوق – اكام رسمي نكارا.

2. سوكو٢ لاين يڠ مروفاكن 70% دري فندودق – يڠ كباپقكن مملوق اكام اسلام – تيدق براوله كسمفاتن ممڠڠ جاباتن٢ فنتيڠ. تيدق اد سئورڠ مسلم فون دودق دالم جاباتن منتري، دوتاو كفلا جواتن اتو كفلا دائره. دانتارا 12 اورڠ كفلا دائره فروفينسي دان 14 كفلا دائره سب – فروفينسي تياد سئورڠ فون براكام اسلام.

3. قوم مسلمين يڠ ترتيندس دان منديريتا كمسكينن دواجبكن ممباير برباكي ماچم چوكي – ترماسوق فاجق فنديديقكن – سدڠ سكوله٢ هان دباڠونكن ددائره٢ يڠ برفندودق كريستيان. دري 140.000 مريد هاڽ 2.000 انق اسلام.

4. سوكو امهارا برانسور٢ مڠواسأي فرتانين دان تانه٢ سوبر والو، هارار، جيما دان لاين٢ سباكي فنداتڠ٢ يڠ ددوروڠ فمرينته، سهڠڬ فتاني٢ اسلام ماكين جاتوه دالم كمسكينن دان كملاراتن يڠ دسبوة "كبار". فمبونهن٢ دان فڠانياين ترهادف قوم مسلمين كرف دلاكوكن اوله اڬكاتن برسنجات.

5. اوندڠ٢ داسر سوڠلافن "قيصر مملوق اكام كريستيان اورثودوق دان ميڤاكن قيصر ايت سباكي "فليندوڠ صاليب سوچي" يڠ دالم كپتانن تله ملاكوكن فڠراڠن٢ صليب ترسمبوبي ترهادف اومة اسلام دان فاتوة دكلاري "كادا فڠانياي اسلام." قوم مسلمين دواجبكن ممباير سومباڠن انتوق ݢريجا دڠن اصطلاح انتوق "فنداڤتن مورال". طومس ارنولد منجوقكن كپتان اكن اداڽ فمبڤتيسن ماسوق كريستيان سچارا فقسا ترهادف 55.000 قوم مسلمين.

راديو اديس ابابا دڠن فمنچارانڽ يڠ قواة مياركن فروفكندا٢ كريستيان دالم برباكي بهاس، ترماسوق بهاس٢ افريكا دلوار ايثيوفيا. هيلاسيلاسي دتوڠڬ اوله ݢريجا دان ݢريجا اورثودوق بركواس برسام مراجليلان بوتا حروف دان كبودوهن يڠ مرات.

قوم مسلمين تركوروڠ، فوتس هوبڠن دڠن دنيا اوار. اوتوسن الازهر فرنه داوسير دري اديس ابابا هاڽ ببراف جم ستله تيبا دسان. فقاديلن شريعة انتوق اوروسن٢ كاݢمان اسلام دالم كپتان ترهافوس دڠن اوندڠ٢ يڠ دصحكن قيصر دالم تاهون 1961.

6. فپيبارن اكام كريستيان كتيڬكالن دافريكا افبيل دبنديڠ دڠن فركمباڠن فڠانوة اكام اسلام دسان، نامون دڠن بنتوان نكري٢ كريستيان دان ايمفيرياليزم بارة ݢولڠن كريستيان بركواس دالم برباكي نكري اسلام. هيلاسيلاسي برليندوڠ دالم او. ايه. يو، فرسكتوان افريكا، يڠ دديريكن فد تاهون 1963. دامريكا هيلاسيلاسي مڠتاكن: 20 تاهون

**alaysia**

4 APRIL 1968 KDN. 3172



## PERAYAAN PIALA THOMAS

Yang di-Pertua Persatuan Badminton Malaysia, Enche Mohd. Khir Johari, menyedut minuman champagne dari Piala Thomas, lambang kejuaraan badminton sa-dunia, dalam suatu majlis jamuan di Bangunan Parlimen pada 27 Mach kerana merayakan kepulangan Piala itu ka-Malaysia. Menolong memegang piala itu ia-lah kaptan pasokan Piala Thomas, Enche Teh Kew San. Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Puan Sharifah Rodziah ia-lah di-antara orang2 yang menyaksikan-nya.

## IKRAR TUN KPD SABAH

TIMBALAN Perdana Menteri Tun Abdul Razak sawaktu beruchap di-Kuching Sarawak hari Thalatha lalu memberi pengakuan kapada ra'ayat Sabah bahawa Kerajaan Pusat, tidak akan mensesingkap

كمبر منجوقكن مجلس كراعين فنريمان طومس‌كف كمبالي كمليسيا.
(كمبر دفتيق دري ”ورت مليسيا“)

## سورة تربوك.

لاكي تيدق اد قوم مسلمين افريكا دالم كراجأن.

اومة اسلام ايثيوفيا ترانچم اكن موسنه دباوه تكانن فنينداسن مورال دان فيسيك دباوه فمرينتاهن كريستيان يڠ فاليڠ بوروق فد ساعة این. يڠ ساڠة مپاكيتكن هاتي اومة اسلام سدنيا اياله اداڽ فميمفين٢ يڠ مڠاكو فميمفين اسلام سفرت سوكرنو، يڠ ماهو رڠكولن٢ دڠن فرعون ايثيوفيا ايت، يڠ لبه كجي لاڬي دري بيروود دان ايان سميث دالم فنينداسنڽ اتس داسر ديسكريميناسي ترهادف ڬولڠن رعية يڠ ساتو٢ڽ اياله كران عملوق اڬام يڠ تيدق دانوة اوله ڬولڠن كچيل يڠ بركواس.

هندقله كيت ايڠة بهوا اورڠ٢ يڠ سنڠ منجيلة سفاتو دورجان، يڠ مڠاباي‌كن راتف تاڠيس اومة يڠ ترتيندس سنديري كلق اكن منجادي قربان كظاليمن ككواسأن جاهة يڠ سكارڠ مريك اباي‌كن.

### مـاده فوجڠك

درجة كهمفيران سئورڠ مؤمن كفد توهنڽ تيدق فول سام، تتافي برتيڠكة٢ سبڬيمان طاعتڽ كفد الله برتيڠكة٢ جوڬ. تتافي ددالم ليڠكوڠن ايمان ايتوله مريك ترکمفول، بارڠ سياف يڠ لبه كرس فرجواڠنڽ، لبه اخلاص دان توكل، لبه ريضا منريما كتنتوان توهن، ايتوله يڠ لبه دكة كفد توهن.

**حمكا**

(دري بوكو لمباڬ بودي)